

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEMBANTU PEMERIKSA KILANG DAN JENTERA

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Pemeriksa Kilang dan Jentera Gred J19, J22, J26, J28.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Kementerian Sumber Manusia/ Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

3. RINGKASAN TUGAS

Menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, menjalankan promosi berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan menyediakan standard pematuhan dan pelaksanaan kepada akta yang dikuatkuasakan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pembantu Pemeriksa Kilang dan Jentera Gred J19

4.1.1 Aspek Pengurusan

- a. Menyediakan sampel, analisis sampel serta menghantar sampel makmal.
- b. Merekod permohonan dan pembaharuan Orang Yang Kompeten (Pendedahan Bising), Juruteknik *Higien* I (Pemantauan Pendedahan), Juruteknik *Higien* II (Kelengkapan Kawalan Kejuruteraan) dan Pengapit *Assessor*.
- c. Membantu menjalankan penyiasatan aduan dan membantu mengemaskinikan *Database*.

4.1.2 Membantu menjalankan pemeriksaan Ergonomik *general* bagi menentukan pemeriksaan Ergonomik yang spesifik. Aspek Pentadbiran

- a. Merekodkan pergerakan keluar/ masuk peralatan harta modal dan inventori di stor peralatan *Higien* Industri dan Ergonomik di ibu pejabat.
- b. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas peralatan *Higien* Industri dan Ergonomik di ibu pejabat.
- c. Mengurus dan menyenggara peralatan-peralatan seksyen.

4.2 Pembantu Pemeriksa Kilang dan Jentera Gred J22

4.2.1 Aspek Pengurusan

- a. Membuat pemeriksaan ulangan ke atas jentera-jentera serta memproses permohonan untuk memasang jentera seperti menyemak secara terperinci pelan susun atur jentera dan dokumen berkaitan.
- b. Menjalankan pemeriksaan permulaan ke atas kilang dan perpasangan.
- c. Menjalankan ujian hidrostatik ke atas pengandung tekanan yang telah siap dibina serta mendaftarkan kilang dan perpasangan setelah pemeriksaan permulaan dibuat.
- d. Menjalankan ujian ke atas pengimpal bagi pengandung tekanan dan dandang stim.
- e. Membantu melaksanakan program pencegahan masalah di tempat kerja.

4.3 Pembantu Pemeriksa Kilang dan Jentera Gred J26

4.3.1 Aspek Pengurusan

- a. Mengawasi rekod pergerakan keluar/ masuk peralatan harta modal inventori dan barang guna habis di stor peralatan *Higien* Industri dan Ergonomik di ibu pejabat.
- b. Membantu menjalankan pemantauan pelaksanaan aktiviti *Higien* Industri dan Ergonomik di pejabat negeri serta membantu mengumpul data-data mengenai aktiviti *Higien* Industri dan Ergonomik di pejabat negeri.
- c. Membuat pemeriksaan ulangan ke atas jentera-jentera.

4.3.2 Aspek Pentadbiran

- a. Membantu kerja penyediaan sampel, analisis sampel serta penghantaran sampel makmal.
- b. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas peralatan *Higien* Industri dan Ergonomik di ibu pejabat.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Pegawai di Kementerian Sumber Manusia.
- c. Pegawai di pejabat-pejabat cawangan.

Luaran

- a. Majikan dan pekerja tempat-tempat kerja yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam pejabat.
- b. Luar pejabat.
- c. Semua premis tempat kerja.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN(PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Kelulusan diperingkat sijil berkaitan kejuruteraan.
- b. Pengetahuan asas dalam hal ehwal keselamatan dan kesihatan (KKP) ditempat kerja.
- c. Jati diri yang tinggi mematuhi akta yang dikuatkuasakan semasa menjalankan penguatkuasaan.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. Ketahanan mental dan fizikal.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Bahaya-bahaya atau risiko yang timbul semasa membuat pemeriksaan ditempat kerja.

Sumber : Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.
Surat Rujukan JKPP.BP127/378/18 bertarikh 20 Jun 2008.